

Misi padam kebakaran gagal

Jentera bomba berlanggar sesama sendiri elak kereta rosak tengah jalan

Sinar 4/1/13 MS 44.

TELUK INTAN - Berpunca daripada sebuah kereta rosak di tengah jalan, misi memadamkan kebakaran di Kampung Esso, di sini, terjejas apabila dua jentera bomba dan penyelamat berlanggar sesama sendiri.

Akibat kejadian itu, seorang anggota bomba mengalami kecederaan manakala lapan yang lain selamat dalam kejadian tengah hari, semalam.

Mangsa, Mohd Hafiz Abdul Rahman, anggota Bomba dan Penyelamat Teluk Intan cedera di kaki apabila jentera yang dinaikinya itu merempuh jentera di hadapannya.

Kejadian berlaku di kilometer 1, Jalan Changkat Jong, berhadapan bekas tapak Ibu Pejabat Polis Daerah Hilir Perak kira-kira 50 meter dari pasar raya terkemuka.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.59 tengah hari semalam itu kedua-dua jentera berkenaan dikatakan dalam perjalanan memadam kebakaran di sebuah rumah di



Keadaan salah sebuah jentera bomba dan penyelamat selepas berlanggar sesama sendiri, semalam.

diselamatkan jirannya.

Suami mangsa, Saibani Mohd Khairan, 60, berkata, ketika kejadian dia mengisi minyak pada motosikal manakala anaknya keluar makan bersama-sama rakannya.

Katanya, dia menerima panggilan telefon daripada anaknya itu yang memberitahu rumah mereka sedang terbakar sebelum menghubungi pihak Bomba dan Penyelamat Teluk Intan.

20 minit tunggu bantuan

SAIBANI berkata, sebaik dihubungi, dia bergegas pulang ke rumah dan mendapati isterinya berada di rumah jiran sebelum dihantar ke Hospital Teluk Intan (HTI) untuk menerima rawatan manakala sebahagian rumah yang berusia lebih 20 tahun itu habis terbakar.

"Saya bersama anak dan beberapa jiran cuba untuk memadam kebakaran itu tetapi tidak berupaya kerana api makin marak.

"Kami menunggu bantuan dari

akaram di sebuah rumah di Kampung Esso setelah menerima panggilan kecemasan beberapa minit sebelum itu.

Jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan ketika ditemui di tempat kejadian berkata, kedua-dua jentera berkenaan bergegas keluar dari balai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan yang hanya 200 meter dari tepat kejadian.

"Setibanya di tempat kejadian pemandu jentera di hadapan yang dinaiki tiga anggota tiba-tiba memperlambatkan kenderaan selepas terlihat sebuah kereta Nissan Sunny di hadapan yang tidak bergerak dipercayai rosak dan ditinggalkan di situ.

"Sebaik menekan brek, jentera dinaiki enam anggota yang mengekorinya di belakang itu tidak sempat mengelak lalu merempuh belakang jentera hadapan," katanya.

Jentera bomba terbabas, rempuh pokok

MENURUTNYA rempuhan tersebut mengakibatkan jentera di hadapan terbabas lalu merempuh sebatang pokok di bahagian kiri jalan manakala jentera di belakangnya terhenti pada jarak kira-kira 10 meter di hadapan.

"Jentera pertama mengalami kerosakan teruk di bahagian hadapan dan belakang manakala sebuah lagi jentera mengalami kerosakan teruk di hadapan.

Minta bantuan bomba lain

BELIAU berkata, akibat kejadian itu pihaknya terpaksa meminta bantuan daripada Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang untuk membantu memadamkan kebakaran di kampung berkenaan.

Kejadian itu menyebabkan kesesakan teruk di Jalan Changkat Jong menghala ke pusat Bandar Teluk Intan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Hilir Perak Asisten Komisioner Goh Kok Liang ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan memaklumkan polis sedang menyasiat kejadian itu.

Warga emas nyaris rentung

SEMENTARA itu, mangsa kebakaran di Kampung Esso, di sini, semalam, nyaris rentung apabila rumah yang didiami bersama suami dan seorang anak musnah dalam kejadian berkenaan.

Mangsa, Siti Asiah Salleh, 67, sendirian ketika kejadian berlaku, terselamat daripada rentung apabila

tetapi setelah hampir 20 minit, bantuan tidak sampai-sampai menyebabkan saya buntu kerana keseluruhan rumah kami musnah dalam kebakaran itu," katanya.

Menurutnya, dalam keadaan kelam-kabut itu sebuah kereta peronda polis tiba dan memaklumkan bahawa dua jentera Bomba dan Penyelamat Teluk Intan yang dalam perjalanan ke tempat kejadian terlibat dalam kemalangan sesama sendiri.

"Saya bersedih apabila dimaklumkan berkenaan kemalangan melibatkan jentera bomba itu menyebabkan rumah ini musnah," katanya.

Kerugian lebih RM40,000

SAIBANI berkata, dia dan penduduk tidak dapat berbuat apa-apa sehingga bantuan dari Balai Bomba dan Penyelamat dari Hutan Melintang tiba.

Menurut Saibani, walaupun harta benda musnah namun dia rasa bersimpati terhadap anggota bomba yang terlibat dalam kemalangan itu lebih-lebih lagi ketika sedang dalam perjalanan untuk membantu menyelamatkan rumahnya.

"Selain harta benda termasuk peralatan elektrik dan perabot musnah, tiga motosikal turut hangus dalam kebakaran itu.

"Jumlah kerugian di anggarkan lebih RM40,000 dan punca kebakaran masih dalam siasatan bomba," katanya.



Anggota bomba yang tercedera dalam kemalangan di Jalan Changkat Jong, semalam.



Saibani sedang melihat tiga motosikal miliknya dan anak-anak yang musnah dalam kebakaran itu.